

Dalam terbitan surat berita ROSA kali ini, kita akan membentangkan beberapa dapatan utama dari bulan Ogos 2021 tentang situasi COVID-19 di Singapura di samping memperkenalkan dua orang lagi ahli pasukan ROSA.

## Perkembangan ROSA

Pasukan ROSA telah menerbitkan laporan arah aliran pemvaksin COVID-19 dalam kalangan orang tua pada bulan Julai dan mendapat banyak perhatian, sehinggakan pihak media seperti The Straits Times, Channel News Asia, The New Paper dan banyak lagi telah memetik laporan ini. Dapatan ini juga telah disampaikan terus kepada Badan Bertindak Pelbagai Kementerian dan kami percaya telah membawa kesan yang besar kepada usaha pemvaksin yang seterusnya oleh pihak kerajaan.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Singapore Life Panel® (SLP) sekali lagi kerana sentiasa menyokong usaha kami. Tanpa mereka, kami tidak mampu untuk membuat cadangan-cadangan yang penting untuk memperbaiki lagi kesejahteraan golongan tua di Singapura. Sokongan anda amat dihargai!

Melangkah ke hadapan, nantikan lebih banyak soalan pada bulan-bulan akan datang yang bertujuan untuk memahami pengalaman anda dalam peralihan untuk menerima COVID-19 sebagai endemik dan kami berharap anda akan terus menyokong kami dalam usaha menyokong pihak kementerian menyediakan sokongan yang sewajarnya kepada golongan tua sepanjang tempoh ini.

## Staf ROSA Bulan Ini

Kami ingin mengambil peluang ini untuk memperkenalkan dua lagi ahli pasukan kami - Grace Cheong dan Shama Ali!



*Grace Cheong, Pembantu Penyelidikan ROSA, ketika bercuti di Lisbon, Portugal! (gambar diambil sebelum pandemik COVID)*

Grace ialah Pembantu Penyelidikan di ROSA dan menyertai pasukan ini pada bulan Ogos 2020. Sebagai ahli pasukan penyelidikan translasi ilmu pusat ini, tugas harian Grace termasuk menganalisis dan mendraf kertas kerja dan taklimat, selain membantu untuk mengemas kini tinjauan bulanan. Grace suka menjadi

ahli kumpulan ROSA kerana ROSA membawa perubahan komuniti yang besar dan menyumbang kepada kemajuan pengetahuan tentang kesejahteraan golongan tua. Pada masa lapang, Grace gemar berbasikal di ruang sikal taman dan mendengar kandungan audio siar.




*Shama Ali, Pengatur Cara Data ROSA, berseronok semasa bercuti di Thailand! (gambar diambil sebelum pandemik COVID)*

Shama juga menyertai ROSA pada bulan Ogos 2020 sebagai Pengatur Cara Data dan tugasnya melibatkan pengendalian aspek teknikal pengumpulan data dan memastikan keperluan teknologi Maklumat (IT) Pusat ini dipenuhi. Shama menyukai peluang bekerja dengan pasukan yang mesra dan saling menghormati satu sama lain, kerana setiap ahli pasukan ROSA dihargai dan diiktiraf! Dia juga berbangga dan berpuas hati kerana dapat memberikan sumbangan kepada pencapaian hidup masa tua yang berjaya untuk warga tua Singapura.

Hobi Shama, antara lain, ialah bersenam dan memasak! Pada waktu lapang, Shama suka keluar untuk berlari dan sentiasa minat mencuba masakan dan resipi baharu. Seperti kebanyakan orang lain, Shama juga suka menonton Netflix dan mengikuti rancangan kegemarannya lebih-lebih apabila dapat meluangkan masa bersama keluarganya. Sebelum menyertai ROSA, Shama menguruskan restoran masakan India miliknya di Singapura! Kami yakin bahawa pasukan ROSA tentu ingin merasai air tangan Shama apabila pandemik ini berakhir dan kita dapat bersua muka.

## Inti Pati Penyelidikan


Pada bulan Ogos 2021, kami telah bertanya beberapa soalan berkaitan dengan pandemik COVID-19 yang masih berleluasa. Majoriti responden didapati telah lengkap divaksin atau telah mendapat sekurang-kurangnya satu dos (94.29%) untuk COVID-19, sementara hanya sebahagian kecil responden kami yang menyatakan bahawa mereka tidak mahu divaksin (2.02%).



Rajah 1. Pecahan responden menyatakan sebab-sebab mendapatkan vaksin. (Nota: Jumlahnya melebihi 100% kerana responden dibenarkan menandai semua pilihan yang berkenaan dengan mereka.)

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, tiga sebab paling lazim yang meyakinkan responden untuk mendapatkan vaksin ialah mereka dapat keluar tanpa terlalu bimbang dijangkiti COVID-19, untuk mengurangkan risiko orang lain dijangkiti oleh COVID-19 dan kepercayaan yang tinggi terhadap pegawai-pegawai Kementerian yang melaporkan bahawa vaksin adalah selamat dan berkesan.

Kami terharu kerana ramai responden kami memilih untuk melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing terhadap pemvaksinan. Oleh sebab suntikan penggalak vaksin akan disediakan untuk orang dewasa berumur 50 tahun dan ke atas, kami ingin menggalakkan responden mendaftar untuk menerima suntikan itu, jika boleh, menggalakkan ahli keluarga dan rakan-rakan anda berbuat hal yang sama!



Rajah 2: Pecahan responden yang bersetuju (agak bersetuju, bersetuju atau sangat bersetuju) dengan pernyataan yang berikut.

Sejajar dengan pengenalan Langkah-langkah Pengurusan Selamat berbeza (SMM) di Singapura pada bulan Ogos, responden SLP kami juga telah ditanya jika mereka bersetuju dengan pelaksanaan langkah-langkah berbeza tersebut. Majoriti responden kami, (88.37%), bersetuju dengan pelaksanaan SMM. Seperti dalam Rajah 2, sentimen keseluruhan tentang SMM adalah positif dengan 92.35% responden bersetuju bahawa perlunya melindungi komuniti yang lebih besar, sementara pecahan responden yang lebih kecil sebanyak 77% bersetuju bahawa keistimewaan yang sama tidak wajar diberikan kepada mereka yang memilih tidak mahu divaksin.

Meskipun individu yang telah lengkap divaksin boleh terlibat dalam lebih banyak aktiviti, kita tidak boleh bersikap sambil lewa dan mesti terus mematuhi semua langkah pengurusan selamat yang ditetapkan. Melalui kerjasama dan usaha bersepadu semua orang, kami berharap situasi ini akan stabil tidak lama lagi dan kita akan belajar menerima COVID sebagai satu endemik.

## Tarikh Tinjauan

- **Tinjauan November: 1 - 24 November 2021**
- **Tinjauan Disember: 1 - 26 Disember 2021**
- **Tinjauan Januari: 1 - 24 Januari 2022**

## Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel kepada [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa sudi mendengar daripada anda.